

# Belah bahagi gaji minimum dapat bantu pekerja gaji rendah

Oleh ADLI YASHIR KUCHIT  
adli@sph.com.sg

SOAL gaji minimum bagi pekerja bergaji rendah mendapat perhatian dalam sebuah forum, namun peserta berbelah bahagi apakah ia dapat membantu golongan itu.

Seorang panelis forum tersebut, Anggota Parlimen (AP) GRC Pasir Ris-Punggol, Encik Zainal Sapari, umpamanya, berkata:

“Kajian menunjukkan pelaksanaan gaji minimum di negara-negara lain tidak memenuhi kesan yang diinginkan, malah boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam bekalan tenaga kerja dan pengangguran.”

Forum Jumaat lalu itu dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), iaitu pusat kajian Angkatan Karyawan Islam (AMP), dan disertai sekitar 50 orang.

Isi membincangkan inisiatif yang dibentang dalam Belanjawan 2013 dan kesannya ke atas masyarakat Melayu/Islam.

Panelis lain forum itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Mendaki, Cik Moliah Hashim; pakar statistik, Encik Leong Sze Hian; dan anggota lembaga badan aktivis wanita Aware, Cik Wong Pei Chi.

Isu gaji minimum itu ditimbulkan sewaktu peserta membincangkan cara membantu pekerja bergaji rendah menangani kenaikan kos sara hidup.

Encik Zainal, yang juga wakil pergerakan buruh, berkata daripada gaji minimum, Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) sebaliknya sedang memperjuangkan



**BINCANG BAJET:** Forum anjuran Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima) antara lain membincangkan cara masyarakat Melayu/Islam dapat memanfaatkan Belanjawan 2013. – Foto KHALID BABA

sistem gaji progresif.

Di bawah sistem itu, gaji pekerja dikaitkan dengan kemahiran dan daya penghasilan, kata beliau.

Sejajar dengan itu, gerakan buruh dengan sokongan majikan dan pemerintah akan membantu pekerja meningkatkan kemahiran dan daya penghasilan.

“Sistem gaji progresif NTUC memberi harapan kepada pekerja berpendapatan rendah menikmati

kenaikan gaji,” ujar Encik Zainal.

Forum itu turut menyentuh tentang usaha badan bantu diri memanfaatkan inisiatif Belanjawan 2013, misalnya geran tokokan pemerintah berjumlah \$10 juta kepada badan-badan tersebut.

Memberikan respons beliau, Cik Moliah berkata pihaknya ingin menjalankan penyelidikan lebih terperinci mengenai keperluan masyarakat Melayu/Islam.

“Kami perlukan kajian mengenai kesan program yang telah dijalankan, apakah ia telah membantu masyarakat membina keupayaan dan meningkatkan daya penghasilan,” kata beliau.

Cik Wong pula prihatin mengenai nasib suri rumah yang, pada beliau, tidak banyak mendapat perhatian dalam Belanjawan itu.

“Wanita yang berada di rumah menjaga keluarga perlu diberi per-

hatian. Ini kerana mereka juga memberi sumbangan, tugas mereka di rumah juga merupakan satu kerjaya,” kata Cik Wong.

Isu diskriminasi juga ditimbulkan dalam forum tersebut.

Namun, Cik Moliah berkata beliau memilih memberi tumpuan pada usaha mempertingkatkan keupayaan diri daripada sekadar membincangkan isu yang sudah terlalu banyak diketengahkan.